NEWSPAPER : **BERITA HARIAN**

DAY AND DATE : **RABU, 15 DISEMBER 2010**

PAGE : **1 & 2**

### Wisma Putra panggil Pesuruhjaya Tinggi serah nota bantahan

# Malaysia protes Singapura

Oleh Norfatimah Ahmad, Magendran Rajagopal, Haspaizi Mohd Zain dan Sophia Ahmad
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Wisma Putra semalam memanggil Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, T Jasudasen untuk menyerahkan nota bantahan berhubung kenyataan beberapa pegawai kanan Kementerian Luar republik itu terhadap pemimpin negara ini.

LIHAT MUKA 2

*"Kenyataan pegawai kerajaan republik itu didedahkan oleh WikiLeaks, tidak memberi sebarang faedah terhadap hubungan kedua-dua negara"*



**Datuk Seri Anifah Aman**
*Menteri Luar*

# Penilaian tak menyenangkan terhadap tokoh utama

DARI MUKA 1

Wisma Putra dalam kenyataannya, menegaskan nota bantahan itu merujuk kepada komen tidak berasas beberapa pegawai kanan Kementerian Luar Singapura mengenai kepemimpinan dan keadaan semasa di Malaysia seperti didedahkan laman web antarabangsa, WikiLeaks.

Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, pada sidang media di lobi Parlimen pula berkata, kerajaan mempunyai sistem dan saluran bagi menyampaikan bantahan serta tiada keperluan untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, membuat penjelasan.

"Kenyataan pegawai kerajaan republik itu yang didedahkan WikiLeaks, tidak memberi sebarang faedah terhadap hubungan baik kedua-dua negara.

"Mengikut adat diplomasi, kita panggil Pesuruhjaya Tinggi ke pejabat dan saya sudah jelaskan tidak puas hati terhadap apa yang diperkatakan pegawai kanan mereka serta sudah sampaikan nota bantahan," katanya.

Anifah berkata, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk ke Singapura bagi membincangkan masalah itu kerana nota bantahan sudah diserahkan kepada Singapura.

Ahad lalu, WikiLeaks mendedahkan beberapa kenyataan diplomat Singapura terhadap pemimpin negara Asia, termasuk Malaysia yang dianggap mengamalkan rasuah, tidak cekap atau bodoh.

Nota sulit diplomatik yang disalurkan laman web itu kepada kumpulan media Fairfax Australia mengandungi penilaian tidak menyenangkan mengenai tokoh utama di Malaysia, Thailand, India dan Jepun.

Antara lain, Setiausaha Tetap Kementerian Luar Singapura, Bilahari Kausikan dalam kabelnya kepada Timbalan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat bagi Asia Timur, David Sedney, bertarikh September 2008, dilaporkan berkata: "Kepemimpinan tidak cekap adalah masalah besar kepada Malaysia".

Bilahari juga dipetik berkata: "Keadaan di negara jiran, Malaysia adalah mengelirukan dan berbahaya dan kemungkinan boleh berlaku konflik perkauman yang menyaksikan etnik Cina melarikan diri dari Malaysia dan membanjiri Singapura."

Sementara itu, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, yang ditemui pemberita selepas menghadiri majlis dialog di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), berkata hubungan bilateral kedua-dua negara sewajarnya dijaga rapi bagi membentuk kerjasama kukuh tanpa dicemari sebarang kontroversi.

Beliau berkata, kenyataan kontroversi dan provokatif, terutama yang menyentuh hal ehwal dalaman negara lain, boleh mencetuskan pelbagai konflik yang akan menggugat kestabilan hubungan dua hala.

"Saya tak nampak (kebenaran kenyataan pegawai Singapura itu), tapi itu adalah pandangan mereka," katanya.

Sementara itu, Kementerian Luar Singapura dalam kenyataannya berkata, Menteri Luarnya, George Yeo menghubungi Anifah menjelaskan dasar republik itu untuk tidak memberikan komen mengenai kebocoran maklumat berkenaan.

December 14, 2010 23:45 PM

## Singapore Advised To Preserve Good Relations With Its Neighbours

KUALA LUMPUR, Dec 14 (Bernama) -- Former prime minister Tun Abdullah Ahmad Badawi has advised Singapore not to make hurtful statements against its neighbours to ensure continued close bilateral relations.

Singapore, he said, should respect Malaysia's sensitivities when making statements and create a win-win situation with its neighbour.

"It should be focusing on strengthening Malaysia-Singapore relations instead of making statements that can jeopardise that relations."

Abdullah said this when asked to comment on the disparaging remarks made by Singapore Foreign Ministry's senior officials on Malaysia and its leadership which were exposed by WikiLeaks and carried by the media.

Abdullah had earlier attended the Knowledge Exchange Programme themed, "Looking East: An Alternative Approach to the Western Paradigm of Governance", organised by the National Institute of Public Administration (Intan), here, today. The six-day programme started last Sunday.

On the topic of discussion, "The Birth of Corridors", which he tabled today, Abdullah who is the Development Corridor advisor, said the country's five economic corridors showed positive development.

The five corridors are Iskandar Malaysia, East Coast Economic Region (ECER), Northern Corridor Economic Region (NCER), Sabah Development Corridor (SDC) and Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE).

"Investments in the five development corridors up to Sept 30 amounted to RM145 billion, while the projects that have started are worth RM66.08 billion in investments," Abdullah said, adding that the figures had exceeded the targets.

He said at the moment, only the NCER was facing problems but he declined to elaborate.

-- BERNAMA

*We provide (subscription-based) news coverage in our Newswire service.*

### Other News

- Malaysian Charter Flight With 31 Passengers Detained In Surabaya
- Kampong Baru Development Corporation Expected To Be Operational In July
- King Visits Horse Breeding Centre
- Gani Patail Not Involved In Appointing Panel, Says Nazri
- Police Find Body Of Man 30 Metres Away From His Burnt Car

advertisement






© 2010 BERNAMA. All Rights Reserved. Disclaimer | Privacy Policy | Security Policy
This material may not be published, broadcast, rewritten or redistributed in any form except with the prior written permission of BERNAMA
Best viewed in Firefox 3.0 & Internet Explorer 7.0 with 1024 × 768 resolution

NEWSPAPER : UTUSAN MALAYSIA

DAY AND DATE : RABU, 15 DISEMBER 2010

PAGE : 14

# Banyak negara berminat konsep koridor - Pak Lah

KUALA LUMPUR 14 Dis. – Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi (gambar) berkata, banyak peserta luar negara menunjukkan minat untuk mengetahui matlamat dan hala tuju konsep koridor ekonomi yang diwujudkan sewaktu era pentadbirannya.

Abdullah berkata, malah mereka turut meminta beliau menasihatkan cara terbaik untuk menubuhkan koridor ekonomi di negara mereka.

"Saya hanya berkata, saya tidak boleh menasihatkan negara lain tetapi sekadar berkongsi pengalaman," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ceramah "Kelahiran Koridor" di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di sini hari ini.

Beliau turut berdialog dengan 40 peserta Program Pertukaran Pengetahuan, Melihat Ke Timur: Satu Pendekatan Alternatif Kepada Paradigma Tadbir Urus Barat.

Program itu disertai 23 peserta luar negara termasuk pegawai tinggi kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE), Bahrain, Mesir, Maldives, Brunei dan selebihnya kakitangan awam pelbagai agensi.



Berhubung kemajuan yang dicapai di koridor ekonomi berkenaan, Abdullah memberitahu, nilai pelaburan sehingga kini mencecah jumlah RM66.08 bilion.

Dalam pada itu katanya, sehingga 30 September tahun ini, pelaburan yang komited di koridor-koridor ekonomi tersebut telah mencecah RM252.47 bilion mengatasi sasaran pelaburan berjumlah RM145 bilion.

Beliau juga berkata, perkembangan pelaburan paling ketara ialah di Iskandar Malaysia dan Sarawak sementara di utara menghadapi masalah teknikal berhubung pelaburan.

Sementara itu, beliau berkata, konsep koridor tidak diketepikan malah transformasi ekonomi yang dilakukan mampu membantu pertumbuhan di kawasan koridor ekonomi.

Pembangunan di koridor Sarawak dan Johor ujarnya, berkembang dengan cepat berikutan ia menjadi kawasan tarikan pelabur walaupun tanpa bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat.

Kata beliau, antara matlamat ditubuhkan koridor berkenaan ialah untuk memastikan terdapat pertaburan yang berkualiti tinggi di tempat-tempat berkenaan dan tidak hanya ditumpukan ke kawasan seperti Lembah Klang.